

Tajuk : **Khairat Kematian**

Kategori: **Muamalat/Ekonomi**

Tahun: **1987**

Status Pewartaan: **N/A**

Negeri: **N/A**

Keputusan : Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia (Jawatankuasa Muzakarah MKI) Kali Ke-18 yang bersidang pada 25 Februari 1987 telah membincangkan Khairat Kematian.

Muzakarah telah memutuskan bahawa:

1. Selain daripada Kumpulan Khairat Kematian Lembaga Letrik Negara ini terdapat juga bentuk kumpulan khairat yang sama yang dikendalikan oleh organisasi lain di negara ini seperti Jabatan bomba, Felda dan lain-lain. Keahliannya juga melibatkan orang bukan Islam.
2. Dari segi hukum orang Islam tidak boleh membantu sebarang kegiatan atau perbuatan bercorak keagamaan agama-agama bukan Islam tetapi bantuan kepada kegiatan atau perbuatan berbentuk kemasyarakatan diharuskan.
3. Muzakarah mengambil keputusan Kumpulan Khairat Kematian yang dikendalikan oleh Lembaga Letrik Negara harus disisi syarak dengan syarat wang bantuan yang dikeluarkan tidak digunakan bagi kegiatan atau perbuatan bercorak keagamaan agama bukan Islam.
4. Penyertaan orang Islam dalam Kumpulan Khairat Kematian yang ahlinya bercampur antara orang Islam dengan bukan Islam adalah harus dengan syarat mereka hendaklah meniatkan wang yang disumbangkan kerana tujuan bantuan dan bukan membantu perkara yang berkaitan dengan keagamaan bukan Islam.



[Klik disini untuk mencetak](#)

Total Execution Time: 0.0500 seconds